



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 23/2026

“MENGGERAK BELIA” DIANGKAT SEBAGAI TEMA SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA TAHUN 2026

14 APRIL 2026

1. YB Menteri Belia dan Sukan hari ini telah menyempurnakan Majlis Pra Peluncuran Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Kebangsaan 2026 yang berlangsung di Perbadanan Stadium Malaysia, Kuala Lumpur. Majlis turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Belia dan Sukan, barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian serta Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Encik Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid. Penganjuran majlis ini menjadi platform penting dalam menggerakkan promosi awal sambutan HBN yang diraikan pada 15 Mei setiap tahun dengan tahun ini menandakan edisi ke-62 sejak diperkenalkan pada 1964.
2. Sambutan Hari Belia Negara dianjurkan bagi menghargai peranan signifikan belia dalam pembangunan negara di samping memupuk semangat patriotisme dan memperkukuh perpaduan nasional. Inisiatif ini turut menyediakan platform strategik untuk belia menyuarakan aspirasi ke arah pembangunan modal insan yang holistik, inklusif dan sejahtera selari dengan nilai teras Malaysia MADANI khususnya kemampanan dan kesejahteraan dalam usaha memperkasa potensi generasi muda secara menyeluruh.
3. Seiring dengan komitmen Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) sebagai penggerak utama Sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2026 bersama Majlis Belia Malaysia (MBM), pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memastikan sambutan ini dapat dirasai secara inklusif oleh golongan belia di seluruh negara merangkumi kawasan bandar dan luar bandar.

4. Antara inisiatif utama termasuk pelancaran Kembara Jalur HBN 2026 serta Inisiatif Sokongan Suara Belia (SSB) yang digerakkan oleh MBM bersama Majlis Belia Negeri (MBN) dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBDS) di seluruh negara sebagai simbolik gerakan menyemarakkan sambutan di peringkat akar umbi.
5. Mengangkat tema “Menggerak Belia”, sambutan HBN 2026 memberi penekanan kepada usaha memperkasa kepimpinan, mengangkat potensi belia dan menyahut cabaran masa hadapan sebagai pemacu perubahan. Sambutan ini akan dimeriahkan dengan (5) lima segmen utama iaitu Penciptaan dan Peluang Pekerjaan; Kepimpinan, Kesukarelawananan dan Pengantarabangsaan; Malaysia Aktif; Inovasi dan Digital; dan Kebudayaan, Kesenian dan Muzik. Pendekatan ini mencerminkan usaha bersepadu dalam memperkasa potensi belia secara kreatif, dinamik dan berdaya saing, di samping membentuk masyarakat yang aktif, berbudaya dan progresif.
6. Kemuncak sambutan Hari Belia Negara 2026 peringkat kebangsaan akan berlangsung di **Sendayan, Negeri Sembilan dari 15 hingga 17 Mei 2026** dengan **Majlis Perasmian dijadualkan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Mei 2026**. Sambutan ini diyakini mampu memperkukuh peranan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara dan memperluas akses kepada pelbagai inisiatif Kerajaan.
7. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran HBN, sila hubungi Sekretariat Sambutan Hari Belia Negara melalui talian 03-8871 3265/ 3796/ 3296 atau e-mel shbn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

